

8 FEB 1996

BEKAS PERAJURIT SOKONG AKTA KESELAMATAN DALAM NEGERI DITERUSKAN

KUALA LUMPUR, 8 Feb (Bernama) -- Persatuan Bekas Perajurit Malaysia menyokong penuh kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad untuk meneruskan penguatkuasaan Akta Keselamatan Dalam Negeri.

Presidennya, Senator Datuk Zainol Abidin Johari dalam kenyataan hari ini berkata, persatuan itu mengakui pentingnya akta itu diteruskan dan ini terbukti dengan keadaan keselamatan yang selama ini dapat dikawal oleh akta itu.

Zainol Abidin berkata, akta itu juga dapat mengelakkan pihak yang tidak bertanggungjawab daripada cuba menyalakan api perkauman untuk memecahbelahkan perpaduan rakyat berbilang kaum.

Beliau menyeru rakyat supaya memberi sokongan kepada pendirian kerajaan itu berdasarkan peristiwa-peristiwa bersejarah yang hampir menggugat keselamatan negara.

Selasa lepas Dr Mahathir, ketika mengulas mengenai cadangan pindaan kepada akta itu, berkata Malaysia memerlukan ISA untuk memelihara keamanan dan kestabilan negara dan mencegah daripada berlaku kekacauan perkauman. --
BERNAMA